

Tun Ahmadshah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UMS

DE 27.11.2011 2

KOTA KINABALU: Bekas Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah pada Sabtu dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi Organisasi oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Penganugerahan itu sebagai pengiktirafan terhadap jasa Ahmadshah, yang menjadi Canselor UMS dari Januari 2003 hingga Disember 2010, dalam membantu kerajaan negeri mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah menerusi Yayasan Tun Ahmadshah.

Ijazah kehormat itu disampaikan kepada Ahmadshah oleh Yang Dipertua Negeri

Sabah selaku Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin pada majlis konvokesyen ke-13 UMS di sini.

Terdahulu, Juhar dalam ucapannya berkata banyak pencapaian dilakukan oleh UMS semasa Ahmadshah menjadi canselor.

“Dengan keprihatinan dan sokongan Yang Amat Berbahagia Tun (Ahmadshah), UMS telah bergerak dan bertapak pada landasan yang teguh dan kukuh...ribuan terima kasih atas jasa baktinya untuk pembangunan intelektual dan fizikal di UMS,” katanya.

Dalam ucapannya selepas menerima ijazah itu, Ahmadshah berkata sifat rendah

diri yang diamalkannya dalam apa juga jawatan yang pernah disandangnya membuatkan terbuka kepada nasihat dan kritikan bagi menambahbaik pekerjaannya.

Sementara itu, Pengarah Balai Seni Sabah, Datuk Mohd Yaman Ahmad Mus dianugerahi Ijazah Sarjana Kehormat dalam bidang Teknologi Seni Visual sebagai mengiktiraf sumbangannya dalam membangunkan seni lukisan di Sabah.

Seramai 4,484 graduan akan menerima ijazah masing-masing sepanjang tiga hari majlis konvokesyen itu yang berlangsung mulai Sabtu. – Bernama